

Timbalan Pengarah PBT antara ditahan kes rasuah

KUALA LUMPUR - Tiga penjawat awam termasuk seorang Timbalan Pengarah pihak berkuasa tempatan (PBT), selain seorang bekas penjawat awam disyaki menerima rasuah bagi melindungi rumah urut dan pusat hiburan haram ditahan di sini pada Jumaat.

Penahanan kesemua individu berusia lingkungan 30 hingga 40-an itu dibuat oleh pasukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur.

Tiga suspek melibatkan Timbalan Pengarah, anggota PBT dan anggota agensi penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga 14 Jun ini, manakala seorang lagi suspek iaitu bekas anggota agensi penguat kuasa direman lima hari sehingga 12 Jun.

Menurut sumber, suspek utama dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan antara RM100,000 hingga RM500,000 sejak beberapa

bulan lalu daripada premis-premis yang menjalankan kegiatan rumah urut dan hiburan selain premis tanpa lesen sah.

“Wang rasuah itu bagi membolehkan premis-premis perniagaan haram berkenaan beroperasi tanpa dikenakan tindakan penguatkuasaan.

“Susulan tangkapan ke atas suspek utama, SPRM kemudian menahan tiga individu lain kerana dipercayai turut menerima suapan dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengagihkan wang rasuah kepada beberapa anggota-anggota penguat kuasa PBT,” katanya.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

“Kes masih disiasat untuk tindakan di bawah Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009,” ujarinya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Empat individu termasuk tiga penjawat awam ditahan SPRM Kuala Lumpur pada Jumaat untuk siasatan menerima rasuah bagi melindungi pusat hiburan dan premis urut di ibu negara.

(Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyerahkan sepenuhnya kepada SPRM, untuk menyiasat dakwaan pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengutip sogokan se-

cara bulanan.

Beliau pada masa sama mengingatkan semua kakitangan dan pegawai PBT itu agar sentiasa menjaga tata kelola serta integriti dalam melaksanakan tugas.